

MOTIVASI PENCAPAIAN DAN PERSONALITI
DALAMAN-LUARAN PELAJAR-PELAJAR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA PERAK



INSTITUT PENVELIDIKAN, PEMBANGUNAN
DAN PENKOKOMERSILAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM, SELANGOR
MALAYSIA

DISEDIAKAN OLEH :

OTHMAN MD. YUNUS
MOHMAD MOHD DERUS
MOHD. SHATARI ABD. GHAFAR

SEPTEMBER 2007

ISI KANDUNGAN

	<i>HALAMAN</i>
PENGHARGAAN	iii
KANDUNGAN	iv
DAFTAR JADUAL	vi
SENARAI SIMBOL	viii
PENGAKUAN	ix
SINOPSIS (BAHASA MALAYSIA)	x
SINOPSIS (BAHASA INGGERIS)	xi
1.0 PENDAHULUAN	
1.1 PENGENALAN	1
1.2 PERNYATAAN MASALAH	2
1.3 TUJUAN KAJIAN	8
1.4 KEPENTINGAN KAJIAN	9
1.5 SKOP KAJIAN	11
1.6 DEFINISI KONSEP	12
1.7 KAJIAN LEPAS	23
1.8 HIPOTESIS KAJIAN	34
2.0 KAEDAH PENYELIDIKAN	
2.1 PENGENALAN	38
2.2 TEMPAT KAJIAN	39

2.3	PEMILIHAN RESPONDEN	40
2.4	ALAT KAJIAN	40
2.5	TATACARA PENGENDALIAN KAJIAN DAN ANALISIS DATA	46
2.6	MASALAH DALAM MENJALANKAN KAJIAN	48
3.0	KEPUTUSAN	49
4.0	PERBINCANGAN	
4.1	PENGENALAN	72
4.2	MOTIVASI PENCAPAIAN AFEKTIF DAN KOGNITIF PELAJAR UiTM MENGIKUT PROGRAM PENGAJIAN	72
4.3	PERSONALITI DALAMAN PELAJAR UiTM PERAK DAN PERBANDINGAN DI ANTARA PROGRAM	82
4.4	HUBUNGAN MOTIVASI PENCAPAIAN DAN PERSONALITI DALAMAN DENGAN FAKTOR-FAKTOR DEMOGRAFI	86
4.5	FAKTOR-FAKTOR YANG DIATRIBUSIKAN DENGAN JANGKAAN KEJAYAAN	94
5.0	PENUTUP	97
	RUJUKAN	102
	LAMPIRAN	106

SINOPSIS (Bahasa Malaysia)

Kajian ini bertujuan melihat aras motivasi pencapaian afektif dan kognitif pelajar-pelajar UiTM Perak secara keseluruhan, mengikut program pengajian, dan berdasarkan kepada prestasi akademik mereka. Kajian ini turut melihat aras personaliti-dalaman yang dimiliki oleh pelajar-pelajar UiTM Perak secara keseluruhan, mengikut program pengajian dan juga berdasarkan kepada prestasi akademik mereka. Turut dilihat dalam kajian ini adalah sama ada faktor-faktor demograf seperti pendapatan ibubapa, lokasi kediaman, jantina, status perkahwinan ibubapa dan, jenis pekerjaan ibubapa mempunyai hubungan dengan motivasi pencapaian dan personaliti-dalaman pelajar-pelajar UiTM Perak. Kajian ini juga melihat perbezaan faktor-faktor stabiliti yang diatribusikan oleh responden kepada jangkakan kejayaan mereka. Kajian telah dijalankan di Universiti Teknologi MARA Perak, kampus Seri Iskandar. Seramai 229 responden telah menyertai kajian ini dengan menjawab tiga set soal selidik yang piawai iaitu 'Mehrabian Achievement Scale' (MAS) untuk mengukur motivasi pencapaian dari aspek afektif sementara 'Self-Description Questionnaires' (SDQ) digunakan untuk mengukur motivasi pencapaian dari aspek kognitif. 'Rotter I-E Scale' (RIES) pula digunakan bagi mengukur personaliti dalaman-luaran (internals-externals) responden iaitu sama ada responden memiliki personaliti-dalaman atau personaliti-luaran. Data kajian telah dianalisis menggunakan ujian t dan ujian Khi Kuasa Dua (X^2). Keputusan kajian menunjukkan motivasi pencapaian afektif pelajar-pelajar UiTM Perak adalah pada aras sederhana tinggi sementara motivasi pencapaian kognitif adalah sederhana. Namun, tidak terdapat perbezaan yang signifikan sama ada pada motivasi pencapaian afektif maupun kognitif pelajar-pelajar UiTM Perak berdasarkan program pengajian dan juga berdasarkan pencapaian akademik. Hasil kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhan pelajar-pelajar UiTM Perak memiliki personaliti-dalaman pada aras sederhana tinggi dan tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada personaliti-dalaman pelajar UiTM Perak mengikut program pengajian dan juga berdasarkan pencapaian akademik. Dari segi demografi, keputusan kajian menunjukkan bahawa sementara pendapatan ibubapa tidak berkait secara signifikan dengan motivasi pencapaian afektif, ianya berkait secara signifikan dengan motivasi pencapaian kognitif. Juga terdapat perkaitan signifikan di antara aras pendapatan ibubapa dengan personaliti-dalaman pelajar. Keputusan kajian juga menunjukkan terdapat perkaitan di antara faktor jantina dengan motivasi pencapaian afektif dan kognitif pelajar-pelajar UiTM Perak. Faktor jantina bagaimanapun tidak berkait secara signifikan dengan personaliti-dalaman. Di samping itu motivasi pencapaian afektif dan kognitif juga tidak berkait secara signifikan dengan lokasi kediaman (Bandar atau luar Bandar). Begitu juga hubungan di antara personaliti-dalaman dengan faktor lokasi kediaman tidak signifikan. Pada hubungan motivasi pencapaian afektif dan kognitif dengan status perkahwinan dan jenis pekerjaan ibubapa juga didapati tidak terdapat hubungan yang signifikan. Perbandingan di antara pelajar-pelajar yang mempunyai prestasi akademik tinggi dengan yang rendah pula menunjukkan bahawa kedua-dua kumpulan ini memilih faktor Usaha sebagai penentu kejayaan. Ini diikuti dengan faktor Kebolehan dan tempat ketiga faktor Tugas itu sendiri. Faktor yang paling kurang dikaitkan dengan kejayaan ialah faktor Nasib.

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Kajian ini dijalankan dengan berlatarbelakangkan kebimbangan masyarakat Melayu terhadap usaha kerajaan melaksanakan dasar meritokrasi dalam pengambilan pelajar-pelajar ke pusat-pusat pengajian tinggi awam dan masalah pengangguran yang semakin meningkat di kalangan siswazah Melayu. Sehingga tahun 2004, dilaporkan terdapat 34000 orang siswazah menganggur dan majoritinya ialah siswazah Melayu. Kedua-dua isu ini amat berkait dengan faktor motivasi yang mendorong ke arah kecemerlangan. Jika dasar meritokrasi dijadikan asas dalam pemilihan pelajar ke IPTA ianya mengarah kepada pencapaian kecemerlangan akademik. Begitu juga dengan lambakkan siswazah dalam pasaran kerja; majikan selain dari mengambilkira faktor 'soft-skill' dan kemahiran berbahasa Inggeris juga akan mengambilkira pencapaian kecemerlangan akademik sebagai kriteria asas pemilihan calon jawatan kosong. Justeru, dalam kedua-dua keadaan, motivasi pencapaian menjadi faktor teras kerana semakin tinggi aras motivasi pencapaian seseorang individu, semakin tinggi keinginan untuk mencapai kecemerlangan. Kajian ini juga mengambilkira faktor personaliti individu pelajar memandangkan personaliti memberi gambaran siapa individu itu sama ada personalitinya selaras untuk membantu dirinya merealisasikan dorongan yang sedia ada ke arah pencapaian kecemerlangan.